

**P**UTRAJAYA: Dakwaan berlaku kadar kehilangan air (non revenue water) yang tinggi iaitu sebanyak 43 peratus di Universiti Utara Malaysia (UUM) amat tidak berasas dan sangat tidak tepat kerana semua saluran paip di dalam kampus terbabit sentiasa diselenggara dengan baik.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Abdul Razak Saleh menegaskan masalah itu berpunca daripada kegagalan Syarikat Air Darul Aman Berhad (Sada) iaitu anak syarikat milik Kerajaan Negeri Kedah menyalurkan bekalan air mencukupi kepada UUM.

"Kami sentiasa menyelenggara saluran paip di dalam kampus dan mustahil berlaku kebocoran sehingga menyebabkan kehilangan air yang banyak. Jika ada kebocoran pun, ia amat minimum dan normal selaras kadar yang ditetapkan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span).

"Semua bangunan baru di UUM turut menyediakan tangki air yang mencukupi untuk menampung kapasiti air yang diperlukan oleh warga kampus.

"Namun apa yang berlaku, tangki yang disediakan di setiap bangunan dalam kampus tidak dapat menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan warga kampus kerana sering terputus bekalan air," katanya.

Beliau mengulas dakwaan Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga Negeri Kedah, Datuk Phahrolrazi Zawawi yang mendakwa masalah bekalan air dihadapi universiti terbabit sekarang berpunca daripada kebocoran akibat paip lama yang tidak diselenggara dengan baik.

Phahrolrazi dilaporkan berkata, Sada sudah membekalkan 15 juta liter air sehari ke universiti terbabit dan ia mencukupi untuk menampung keperluan air ke kampus berkenaan.

Bagaimanapun, beliau dilaporkan berkata, UUM adalah antara kawasan yang mengalami kadar kehilangan air yang tinggi iaitu sekitar 43 peratus berikutan kerosakan saluran paip yang dipasang lebih 20 tahun lalu dan penyelenggaraan yang dilakukan UUM sangat minima.

Dr Abdul Razak berkata, UUM sudah membelanjakan RM220,000 untuk kerja menaik taraf bekalan

# Paip air di UUM tak bocor

HM 23/4/2011 39:1

## Sada didakwa gagal salur bekalan secukupnya

air di dalam universiti pada tahun 2007, manakala sebanyak RM165,000 lagi dibelanjakan pada 2009 dan 2010 bagi membaiki kebocoran paip di universiti itu.

Katanya, UUM juga turut memasang tangki bawah tanah dan 'booster pump' yang dibina dengan kos RM627,000 bagi membolehkan mereka menyimpan bekalan air mencukupi bagi keperluan warga kampusnya.

Bagaimanapun, katanya, masalah itu timbul berikutan Sada tidak menambah kapasiti pengeluaran air selaras dengan pembangunan kawasan pertumbuhan baru di kawasan sekitar Jitra, Changlun dan Bukit Kayu Hitam yang menggunakan sumber air sama iaitu dari Loji Pelubang dekat Jitra.

"Loji Pelubang mula membekalkan air dengan pengeluaran maksimum 15 juta liter sehari bermula 1990, namun kapasiti pengeluaran ini tidak pernah ditingkatkan sehingga hari ini.

"Malah, bekalan air dari loji yang sama juga digunakan untuk membekalkan air ke kawasan pertumbuhan baru di kawasan sekitar, keadaan ini menyebabkan kuantiti air yang dibekalkan kepada UUM menurun kepada sembilan juta liter sehari sahaja sedangkan UUM memerlukan bekalan air sebanyak 12 juta liter sehari," katanya.

Beliau berkata, UUM sentiasa merancang dan membina serta menyelenggara kemudahan bekalan air dalam kampus selaras dengan keperluan warga Universiti ini.

Malah, katanya, pada tahun lalu UUM terpaksa membelanjakan RM900,000 untuk menyewa lori bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk kegunaan warga universiti ini.